

17 MAR 1998

DR MAHATHIR UCAP TAHNIAH KEPADA PERDANA MENTERI BARU CHINA

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengirim keputusan tahniah kepada Zhu Rongji sempena pelantikannya sebagai Perdana Menteri baru China.

Dalam perutusannya, Dr Mahathir berkata Malaysia dan China selama ini menikmati hubungan yang akrab lagi mesra dan berharap hubungan dan kerjasama antara kedua-dua negara dapat dipertingkatkan lagi di bawah kepimpinan Zhu.

"Saya yakin bahawa dengan bekerjasama, Malaysia dan China dapat memberi sumbangan ke arah meningkatkan kemakmuran ekonomi serta keamanan dan kestabilan di rantau berkenaan," kata beliau. -- BERNAMA

ZAB FAZ